

Dua bekas Presiden Indonesia kagum kemajuan Malaysia

uw - 5/7/2007
JAKARTA 4 Julai - Dua bekas Presiden Indonesia menyatakan rasa kagum dengan kemajuan yang dicapai Malaysia dalam usia 50 tahun kemerdekaannya yang akan disambut Ogos ini.

Bekas Presiden Abdul Rahman Wahid (untuk tempoh Oktober 1999 hingga Julai 2001), yang akrab dipanggil Gus Dur berkata, Malaysia telah mencatatkan perkembangan yang baik dalam bidang pendidikan sehingga menarik pelajar dari Indonesia.

"Saya kira terdapat 96 anggota Dewan Perwakilan Rakyat (Parlimen) Indonesia yang melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah (PhD) di Malaysia, kebanyakannya di Universiti Kebangsaan Malaysia," katanya pada perjumpaan dengan empat anggota Delegasi Nostalgia bekas mahasiswa Universiti Malaya di sini, hari ini.

Pada perjumpaan kira-kira 45 minit di pejabat beliau di Bangunan Nahidatul Ulama di sini, Gus Dur banyak bercerita mengenai ramai kenalannya di Malaysia, keindahan Putrajaya serta kekerapan beliau ke Malaysia.

Sementara bekas Presiden Megawati Sukarnoputri (dari Julai 2001 hingga Oktober 2004) dalam perjumpaan dengan anggota delegasi itu di kediamannya di sini, berkata sistem politik di Malaysia kini baik dalam usia 50 tahun kemerdekaannya.

Ketua delegasi itu, Datuk Noh Abdullah ketika mengucapkan terima kasih di atas kesudian Gus Dur menerima kunjungan mereka, berkata sejak sebelum merdeka, mereka yang ketika itu masih mahasiswa mengagumi semangat nasionalisme yang ditunjukkan oleh rakyat dan pemimpin Indonesia dalam memperjuangkan kemerdekaan negara mereka.

"Ketika itu, selain banyak membaca buku-buku terbitan dan karangan penulis Indonesia, republik inilah yang menjadi contoh yang menggerakkan semangat kami untuk berjuang," katanya.

Delegasi 20 anggota itu akan diraikan pada sarapan pagi oleh Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Mohamed Zain di pejabat kedutaan di sini esok.

- Bernama